

**KEDUDUKAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA
DALAM SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN, 1956-2000**

SIA KENG YEK

**TESIS YANG DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511193685

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 OGOS 2003



SIA KENG YEK

AHA 97010

PENGHARGAAN

Adalah diakui bahawa tesis Ph.D saya ini tentu tidak dapat diselesaikan tanpa bantuan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Oleh itu, dengan rasa rendah hati, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya amat terhutang budi kepada Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam atas nasihat, bimbingan dan dorongan yang diberikan kepada saya. Beliau sering menimbulkan ilham dan idea baharu semasa perbincangan mengenai tesis ini. Sikap beliau yang berdedikasi, bertanggungjawab dan berpengetahuan luas amat memanfaatkan penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Arkib Negara, Dong Jiao Zong, DAP, MCA serta Huazi Resource & Research Centre Bhd yang telah memberi saya kemudahan untuk membuat penyelidikan. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Cik Tay Siok Beng, Puan Chua Wei Shiuan dan Encik Thock Ker Pong yang banyak memberi bantuan dalam usaha saya menyediakan tesis ini. Mereka secara tekal telah menjadi sumber galakan dan motivasi kepada saya. Tidak lupa juga ahli-ahli keluarga tersayang saya yang senantiasa sabar dan memahami akan cita-cita saya serta memberi sokongan moral, galakan dan kerjasama yang tidak terhingga nilainya sepanjang masa penyelidikan tesis ini.

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the position of National-Type Chinese Primary Schools in the national education system, 1956-2000. Malaysia, besides China, Taiwan and Hong Kong, officially included National-Type Chinese Primary Schools in the national education system. The National-Type Chinese Primary Schools or by its acronym known as SRJK(C) in Malay language were categorized under the Education Act 1961 and the Education Act 1996 as government or government-aided primary schools providing primary education appropriate for pupils from the age of six years, using the Chinese language as the main medium of instruction, and in which the national and English languages are compulsory subjects of instruction. The National Education Policy which was clearly enunciated in the terms of reference of the Razak Report that the ultimate objective of the educational policy in Malaysia must be to bring together the children of all races under a national education system in which the national language is the main medium of instruction, though the Report recognized that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual. Hence, under the Section 21(2) of the Education Act 1961, Minister of Education has the power to convert the National-Type Primary Schools to National Schools whenever he thinks fit and suitable. Furthermore, policies and strategies have been planned and implemented to promote national integration and unity through a national education system which provides for the national language to be the main medium of instruction. Nevertheless, the implementation of the national education policy received heavy criticism and invoked fears and apprehension of the Chinese community about continued legitimate existence and preservation of the character of National-Type Chinese Primary Schools in the national education system. Dong Jiao Zong, two well-known national organizations for their commitment to the cause of preserving and developing mother tongue education, were very sensitive to every twist and turn of Government policies. They strongly opposed any attempts of Government to alter the character of National-Type Chinese Primary Schools as prescribed in the Education Act. As a whole, the consistency of the said organization has been successfully preventing the intention of Government to assimilate the National-Type Chinese Primary Schools into National Schools.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SINGKATAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
PENGENALAN	x
BAB I PERWUJUDAN SRJK(C)	
Kedudukan Sekolah Cina Semasa Penjajahan British	1
Kedudukan Sekolah Cina dalam Ordinan Pelajaran 1952	16
Kedudukan Sekolah Cina dalam Laporan Razak	36
Kedudukan Sekolah Cina dalam Laporan Rahman Talib	47
BAB II PEMBIAYAAN DAN PEMBANGUNAN FIZIKAL SRJK(C)	
Peruntukan dan Pengagihan Kewangan	58
Pembangunan Sekolah	76
BAB III PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DI SRJK(C)	
Sumber Tenaga Pengajar	97
Kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah	127
BAB IV KESELARASAN KURIKULUM DI SRJK(C)	
Kurikulum 3M	147
Bahasa Pengantar Majlis Rasmi Sekolah	164
Program Sekolah Integrasi	174

BAB V	KONTROVERSI PENGURUSAN PENDIDIKAN DI SRJK(C)	
	Perlantikan Golongan Pentadbir Kanan	192
	Penempatan Guru Bahasa	216
BAB VI	SRJK(C) DAN SEKSYEN 21(2) AKTA PELAJARAN 1961	
	Kontroversi Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961	228
	Tuntutan Memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961	232
BAB VII	KEDUDUKAN SRJK(C) DALAM AKTA PENDIDIKAN 1996	
	SRJK(C) dan Rang Undang-Undang Pendidikan 1990	255
	SRJK(C) dan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995	268
BAB VIII	SRJK(C) DAN POLEMIK SEKOLAH WAWASAN	
	Kerangka Sekolah Wawasan	292
	Kontroversi Konsep Sekolah Wawasan	296
BAB IX	SRJK(C) DAN DEKLARASI PENDIDIKAN BAHASA IBUNDA DONG JIAO ZONG 1999	
	Asal Usul Pelancaran Deklarasi	319
	Deklarasi dan Reaksi Parti Politik	344
BAB X	SRJK(C) DAN KONTROVERSI SUQIU	
	Latar Belakang Suqiu	349
	Kontroversi Suqiu	356
	KESIMPULAN	376
	BIBLIOGRAFI	396
	LAMPIRAN	445

SINGKATAN

BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DPCS	Dewan Perhimpunan Cina Selangor
DUN	Dewan Undangan Negeri
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
GGPGSCM	Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
GPMS	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
HEM	Hal Ehwal Murid
Hua Tuan	Pertubuhan Cina Berdaftar Di Malaysia
ISA	Internal Security Act
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KDC	Kursus Dalam Cuti
MCA	Malaysian Chinese Association
MCACECC	Malaysian Chinese Association Chinese Education Central Committee
MCE	Malaysia Certificate Examination
MIC	Malayan Indian Congress
MPAP	Majlis Perundingan Akta Pendidikan
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
POL	Pupil's Own Language
PPLPSCM	Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSI	Program Sekolah Integrasi
RUUP	Rang Undang-Undang Pendidikan
SK	Sekolah Kebangsaan
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMPC	Sekolah Menengah Persendirian Cina
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPVM	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
SRJK(C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SRJK(T)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
U.T.S	Unified Teaching Serving
UCSCAM	United Chinese School Committee Association of Malaysia
UCSTAM	United Chinese School Teachers Association of Malaysia
UKELP	Ujian Kelayakan Latihan Perguruan
UMNO	United Malays National Organisation

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Kadar Per Kapita Sekolah Rendah (Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun/LPBT)	60
2.2	Jumlah Peruntukan Kewangan Untuk Sekolah-Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Bagi Perbelanjaan Pengurusan dan Pembangunan, 1981-1991	61
2.3	Bilangan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia Mengikut Jenis Bantuan	62
2.4	Peruntukan Pembangunan Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia, 1971-1978	67
2.5	Bilangan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan yang Dibuka Sejak Tahun 1960	82
2.6	Bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) Yang Ditutup Sejak Tahun 1960	84
2.7	Bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) Yang Mempunyai Bilangan Murid Kurang Daripada 100 Orang Mengikut Negeri	89
2.8	Pembinaan Semula Sekolah dan Penambahan Bilik Darjah Di peringkat Sekolah Rendah Pelbagai Aliran Oleh Kerajaan Malaysia, 1957-1992	93
3.1	Bilangan Kekurangan Guru Terlatih Di Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia, 1980-1985	99
3.2	Bilangan Guru Sandaran Tanpa Latihan Yang Mengikuti Kursus Perguruan Asas Di Maktab-Maktab Perguruan Di Seluruh Malaysia, 1986-1990	104
3.3	Bilangan Guru Di Sekolah-Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia, 1986-1992	107

5.1	Bilangan Guru Tanpa Kelayakan Bahasa Cina Yang Memegang Jawatan Pentadbiran Kanan Di SRJK(C) Pada Januari 1988	203
5.2	Bilangan Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina Yang Mengajar Mata Pelajaran Bukan Bahasa Di SRJK(C), Mac 1989	219
8.1	Bilangan Sekolah Wawasan Di Bawah Rancangan Malaysia Ketujuh	293
9.1	Peruntukan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Bawah Rancangan Malaysia Keenam & Ketujuh	336

PENGENALAN

Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum, berbeza dari segi keturunan, budaya, agama dan bahasa. Untuk memupuk persefahaman dan kerjasama serta memperkuatkkan rasa kekitaan dan perpaduan nasional di kalangan rakyat yang berbilang kaum ini, pendidikan telah menjadi alat utama yang dimanupulasi untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam senario inilah, isu bahasa dan pendidikan telah menjadi sensitif terutamanya dalam usaha menyatukan bangsa yang patriotik.

Persoalan Kajian

Di Malaysia, kewujudan dan perkembangan bahasa dan pendidikan biasanya tidak dianggap sebagai satu masalah pendidikan umum semata-mata. Sebaliknya, isu tersebut lebih kerap dilihat sebagai isu politik dan dihubungkaitkan dengan sentimen perkauman. Sejak zaman penjajahan British sehingga ke waktu kini, bahasa dan pendidikan sering menjadi topik yang hangat dalam politik negara. Malahan soal bahasa dan pendidikan adalah tema utama dan isu politik hangat yang sering mengelodak perasaan dan pemikiran masyarakat Malaysia hampir-hampir dalam setiap pilihan raya umum.

Pada masa penjajahan British sebelum Perang Dunia Kedua, tidak terdapat satu sistem pendidikan kebangsaan di Tanah Melayu. Penjajahan British

mengamalkan dasar *laissez-faire* dengan membiarkan tiap-tiap sistem persekolahan itu berkembang mengikut haluan masing-masing. Kesan daripada keadaan yang sedemikian, telah wujud empat sistem persekolahan, iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris yang menggunakan bahasa pengantar dan kurikulum yang berlainan. Sistem persekolahan berbeza-beza ini bukan sahaja telah menyebabkan wujudnya jurang perbezaan ekonomi dan sosial yang ketara di kalangan rakyat berbilang kaum, malah menghalang usaha untuk menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara.

Oleh yang demikian, satu sistem pendidikan kebangsaan yang seragam amat perlu dibentuk supaya perpaduan serta integrasi antara kaum dapat diwujudkan. Untuk merealisasikan objektif ini, inisiatif pertama ke arah melahirkan satu sistem pendidikan kebangsaan telah dilakukan oleh Jawatankuasa Barnes pada tahun 1950. Laporan Barnes memperakukan bahawa sekolah rendah vernakular yang berbeza-beza mengikut kaum hendaklah dimansuhkan dan digantikan dengan satu sistem persekolahan yang dinamakan Sekolah Kebangsaan.

Pelaksanaan Laporan Barnes bermakna sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil mesti ditutup. Kaum Cina menentang laporan tersebut dengan kuat dan menuduh Barnes cuba membunuh sekolah Cina. Sebaliknya, mereka menyokong Laporan Fenn-Wu yang mengesyorkan supaya sekolah

vernakular Cina dikekalkan secara berasingan di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Keadaan bertambah rumit apabila kerajaan penjajah British meluluskan Ordinan Pelajaran 1952 berdasarkan Laporan Barnes. Kelulusan Ordinan tersebut mendapat bantahan hebat daripada masyarakat Cina, terutamanya golongan berpendidikan Cina. Oleh yang demikian, masalah sistem pendidikan kebangsaan berlanjutan sebagai satu isu utama yang menghalang perpaduan dan integrasi di kalangan rakyat berbilang kaum.

Dengan senario yang telah diberikan di atas, dapat dirumuskan bahawa semasa di ambang kemerdekaan, Tanah Melayu telah mewarisi satu sistem pendidikan penjajahan yang diasaskan mengikut kumpulan-kumpulan suku kaum. Oleh yang demikian, usaha ke arah pemupukan perpaduan dan integrasi pelbagai kaum melalui perwujudan satu sistem pendidikan kebangsaan tetap menjadi agenda dan matlamat utama kerajaan. Selaras dengan Dasar Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan,¹ kerajaan berhasrat untuk memperteguhkan status dan peranan bahasa kebangsaan bukan sahaja sebagai bahasa rasmi negara, tetapi juga bahasa perantaraan di kalangan rakyat menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang seragam, iaitu dengan

¹ Lihat Malaysia, Federal Constitution, Government Press, Kuala Lumpur, 1970.

Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa:

“Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen. Dengan syarat,

- a.tiada sesiapa yang boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain; dan
- b.tiada apa-apa juga dalam fasal ini boleh menyantuh hak Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajaran bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.

sukatan pelajaran yang sama, peperiksaan yang sama dan bahasa pengantar yang sama. Sehubungan itu, kerajaan berpegang teguh kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 yang berasaskan kepada perakuan-perakuan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Matlamat akhir dasar tersebut ialah menyatupadukan rakyat di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan dengan menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama bagi semua institusi pendidikan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan tidak dapat disempurnakan kerana masih terdapat sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantar, terutamanya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) [SRJK(C)] dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) [SRJK(T)]. Kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) ini ternyata bercanggah dengan kehendak murni Dasar Pendidikan Kebangsaan. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila keengganan komuniti Cina dan India untuk menerima bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah berkenaan. Mereka bertegas untuk mengekalkan kuasa autonomi serta identiti SRJK(C) dan SRJK(T) yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, walaupun kewujudan sekolah-sekolah berkenaan telah dianggap sebagai penghalang kepada usaha kerajaan ke arah pemupukan integrasi nasional dan perpaduan negara.

Dalam usaha mengintegrasikan hubungan kaum melalui penggunaan bahasa kebangsaan, Laporan Razak telah memperakukan bahawa status quo sekolah-sekolah pelbagai aliran dalam sistem pendidikan penjajahan British hanya dikekalkan untuk sementara sahaja. Selaras dengan matlamat ini, peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 telah memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menukarkan status SRJK(C) dan SRJK(T) kepada sekolah kebangsaan sekiranya dirasakan perlu dan sesuai. Ini telah menimbulkan kegusaran masyarakat Cina kerana bimbang SRJK(C) akan ditukarkan kepada SK yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar, selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sungguhpun peruntukan seksyen itu tidak sekali-kali menyatakan bahawa kerajaan akan menghapuskan SRJK(C) dan SRJK(T) serta kuasa Menteri masih dibekukan, namun keazaman masyarakat Cina untuk mempertahankan kedudukan dan identiti SRJK(C) masih kental. Malahan Tun Tan Siew Sin semasa memimpin MCA, pernah mengisyiharkan bahawa “*the existence of the party is synonymous with the existence of the primary schools. In short, we sink or swim together*”.²

Jelas di sini bahawa komuniti Cina memang menolak sebarang usaha untuk merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menukarkan SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SK. Ironinya, di samping menolak

² R.S. Milne & Diane K. Mauzy, Politics and Government in Malaysia, Federal Publications, Singapore, 1978, hlm.372.

perubahan status quo SRJK(C) bagi mengekalkan kuasa autonomi dan identitinya, komuniti Cina bertungkus lumus mengemukakan tuntutan supaya kerajaan memberi layanan yang sama kepada SRJK(C) sepermulaan layanan yang diterima oleh SK, baik dari segi bantuan kewangan, tenaga pengajar, mahupun kemudahan dan kelengkapan fizikal sekolah.

Mentaliti inilah yang sentiasa mendasari perjuangan orang Cina yang dipelopori oleh Dong Jiao Zong dan pertubuhan-pertubuhan Cina Malaysia atau lebih dikenali secara kolektif sebagai Hua Tuan. Pendirian ini telah menjadi punca utama kepada segala perselisihan dan konflik di antara komuniti Cina dan pihak kerajaan berhubung dengan isu bahasa dan pendidikan Cina sepanjang pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Ada kalanya isu bahasa dan pendidikan Cina ini menjadi agak kontroversi dan sensitif sehingga menimbulkan ketegangan antara kaum.

Usaha masyarakat Cina untuk memelihara kuasa autonomi dan identiti SRJK(C) serta memperjuangkan kepentingan bahasa dan pendidikan Cina adalah diketuai oleh Dong Jiao Zong, satu gabungan pertubuhan yang terdiri daripada Persekutuan Persatuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina Malaysia (PPLPSCM/Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (GPGSCM/Jiao Zong). Dong Jiao Zong diterima dan disokong oleh masyarakat Cina umum sebagai sebuah badan tunggal untuk mencetuskan

pelbagai idea serta benteng untuk melindungi aspek-aspek kehidupan sosial, khususnya yang berkaitan dengan bahasa dan pendidikan.

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan serta orang-orang Cina yang sekutu dengannya menganggap bahasa dan pendidikan merupakan asas malah jiwa kepada kebudayaan, identiti dan bangsa. Setiap tahun, lebih daripada 85% ibu bapa ingin dan telah menghantar anak mereka ke SRJK(C). Enrolmen di 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) telah mencapai 54152 orang pelajar pada tahun 1998.³ Hal ini dengan tegas menunjukkan bahawa ibu bapa Cina berhasrat anak mereka dididik dalam sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Malahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ramai ibu bapa bukan keturunan Cina turut memberi sokongan dan keyakinan kepada pendidikan Cina dengan menghantar anak mereka belajar di SRJK(C). Menurut perangkaan Kementerian Pendidikan pada tahun 1999, sebanyak 65,000 orang murid bukan keturunan Cina belajar di SRJK(C).⁴

Ulasan Literatur

Berdasarkan latar belakang ini, jelas memaparkan suatu hakikat bahawa isu bahasa dan pendidikan Cina di Malaysia sememangnya merupakan suatu isu yang sentiasa menarik minat dan perhatian dari semua lapisan masyarakat. Ia

³ Sin Chew Jit Poh, 11 Oktober 1999.

⁴ Ibid., 23 Ogos 1999.

bukan sahaja dianggap sebagai satu persoalan yang rumit lagi kompleks, tetapi juga sensitif dan emosional terutama di negara yang berbilang bangsa, budaya dan agama seperti Malaysia. Sememangnya terdapat banyak penulisan yang berkaitan dengan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia. Pada kebiasaannya,uraian pendidikan Cina dalam kebanyakan penulisan tersebut adalah terkandung dalam perbincangan mengenai perkembangan sistem pendidikan Malaysia secara umum. Misalnya penulisan Abu Zahari Abu Bakar yang membincangkan permulaan dan perkembangan sistem sekolah vernakular dalam zaman sebelum merdeka sehingga terbentuknya sistem pendidikan kebangsaan serta perkembangan pendidikan semenjak tertubuhnya Malaysia.⁵

Tulisan Sufean Hussin bukan sahaja mendokumentasikan aspek persejarahan dan perkembangan sistem pendidikan secara deskriptif tetapi juga memberi uraian yang kritis terhadap isu dan masalah pendidikan dari pelbagai perspektif.⁶ Selain itu, kajian-kajian lain yang menyentuh perkembangan pendidikan di Malaysia secara umum termasuklah penulisan Wong Hoy Kee &

⁵ Abu Zahar Abu Bakar, Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1984.

⁶ Sufean Hussin, Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1993

Gwee Yee Hean,⁷ Shahril @ Charil Marzuki, et al.,⁸ Mok Soon Sang & Lee Shok Mee⁹ dan Chang Ming Phang.¹⁰

Perkembangan dan pelaksanaan dasar pendidikan penjajahan British di Tanah Melayu juga amat menarik minat pengkaji-pengkaji. Antara kajian-kajian yang dibuat termasuklah penulisan Philip Loh Fook Seng¹¹ yang menyentuh tentang dasar pendidikan di Malaya antara tahun 1874 hingga 1940. Tulisan D.D. Chelliah mengkaji dasar pelajaran British di Negeri-Negeri Selat,¹² manakala Kok Loy Fatt mengkaji dasar pendidikan kolonial di Malaya dalam tempoh tahun 1920-1940.¹³

Sementara itu, terdapat juga banyak kajian yang meninjau pembentukan dan pelaksanaan dasar pendidikan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

⁷ Wong Hoy Kee, Francis & Ee Tiong Hong, Education in Malaysia, Heinmann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1971.

⁸ Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Hj. Siraj, Pendidikan Di Malaysia, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993.

⁹ Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, Pendidikan Di Malaysia, Edisi 4, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Subang Jaya, 1990.

¹⁰ Chang Ming Phang, Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.

¹¹ Loh Fook Seng, Philip, Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940, Oxford University, Kuala Lumpur, 1975, lihat juga Loh Fook Seng, Philip, "A Review of the Educational Developments in the Federated Malay States to 1939", Journal of Southeast Asian Studies, Vol 5, No 2, hlm 225-238.

¹² D.D. Chelliah, A History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars, G.H. Kiat & Co. Ltd., Singapore, 1960.

¹³ Kok Loy Fatt, "Colonial Office Policy Towards Education in Malaya, 1920-1940", Tesis M.Ed., Universiti Malaya, 1978.

Misalnya Thomas R. Fennel menjalankan kajian tentang perkembangan dan pelaksanaan dasar pendidikan di Malaya dari tahun 1945-1957¹⁴, dan penulisan Tan Liok Ee berhubung dengan perkembangan dasar pendidikan di Semenanjung Tanah Melayu dalam konteks dekolonisasi, 1945-1955.¹⁵ Syn Wai Yin pula mengkaji perkembangan pendidikan di Malaya selepas perang Dunia Kedua, 1947-1960.¹⁶

Haris Md. Jadi menganalisis perkembangan pendidikan Persekutuan Tanah Melayu di antara tahun 1955-1970. Fokus kajian beliau adalah perkembangan-perkembangan yang membawa kepada pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah berikutan dengan rusuhan 13 Mei 1969.¹⁷ Abdul Rahman Juman pula mengupas tentang perkembangan dan proses pembentukan dasar pendidikan kebangsaan di Malaya yang berasaskan perakuan-perakuan Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Laporan Kabinet serta kesannya terhadap perkembangan pendidikan di Sabah.¹⁸ Sementara Richard

¹⁴ Thomas R. Fennell, “Commitment to Change:A History of Malayan Education Policy, 1945-1957”, Tesis Ph.D., University of Hawaii, 1968.

¹⁵ Tan Liok Ec, “Dasar Pendidikan dalam Konteks Dekolonisasi: Semenanjung Tanah Melayu 1945-1955”, dalam Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (pnyt.), Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1990, hlm.201-236.

¹⁶ Syn Wai Yin, “The Process of Education in Malaya During the Post-War Period, 1947-1960”, Tesis Ph.D., University of Minnesota, 1964.

¹⁷ Haris Md. Jadi, “Ethnicity, Politics and Education:A Study in the Development of Malayan Education and Its Policy Implementation Process”, Tesis Ph.D, University of Keele, 1983, lihat juga Haris Md. Jadi, Etnik, Politik dan Pendidikan, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

¹⁸ Abdul Rahman Juman, “The Development of the National Educational Policy of Malaya From 1957 to 1982 and Its Effects on the Development of Education in Sabah, Malaya”, Tesis Ph.D., Southern Illinois University, 1986.

Mead mengkaji pembentukan dan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan di Malaysia.¹⁹

Pembentukan dasar dan sistem pendidikan biasanya mempunyai hubungan rapat dengan perkembangan politik dalam negeri, sama ada negara itu dijajah ataupun telah merdeka. Ramai pengkaji telah membicarakan isu bahasa dan pendidikan dalam konteks politik Malaysia. Sebagai contohnya, Ibrahim Saad telah berusaha untuk memberi interpretasi semula terhadap sistem pendidikan Malaysia sejak zaman kolonial dengan meninjau dan menganalisis masalah hubungan antara politik dengan pendidikan di Malaysia.²⁰ K.Ramanathan pula mengkaji sistem pendidikan dari persepektif politik terutamanya pertentangan yang sengit di antara kepentingan politik nasional dengan kepentingan perkauman di Malaysia dari tahun 1930 hingga 1971.²¹

Selain itu, artikel Cynthia Enloe, “*Issues and Integration in Malaysia*”²² dan bukunya yang bertajuk “*Multi-ethnic Politics: The Case Study of Malaysia*”²³ telah membincangkan kontroversi dan konflik berhubung dengan penetapan

¹⁹ Richard Mead, Malaysia's National Language Policy and the Legal System, Monograph Series 30, Yale University Southeast Asia Studies, New Haven, 1988.

²⁰ Ibrahim Saad, Pendidikan dan Politik Di Malaysia, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1977.

²¹ K.Ramanathan, Politik dalam Pendidikan Bahasa, 1930-1971, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985.

²² Cynthia Enloe, “*Issues and Integration in Malaysia*”, Pacific Affairs, Jil.VII, No.3 1968, hlm.372-385.

²³ Cynthia Enloe, Multi-Ethnic Politics: The Case Study of Malaysia, University of California Press, Berkeley, 1970.

bahasa kebangsaan. Tulisan Margaret Roff yang berjudul “*The Politics of Language in Malaya*” pula membicarakan krisis dalam politik bahasa dalam lingkungan tahun 1967.²⁴ Sementara K.J. Ratnam dalam bukunya “*Communalism and the Political Process in Malaya*” menghuraikan dengan terperinci polemik bahasa dalam tempoh tahun 1956-1961.²⁵

Dalam penulisan S.K. Cheah yang mengkaji perubahan aliran pemikiran politik bangsa Cina di Malaysia, terdapat huraian-huraian mengenai ketegangan hubungan MCA dengan Hua Tuan dalam isu pengiktirafan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara, penubuhan Universiti Merdeka, penghantaran memorandum kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, dan penglibatan Hua Tuan dalam kegiatan politik menerusi parti Gerakan pada tahun 1982.²⁶

Chui Kwei-Chiang,²⁷ dalam kajiannya mengenai perubahan identiti nasional orang-orang Cina di Malaya dan Singapura antara tahun 1945-1959 dan kajian Chen Jianhong yang meninjau perkembangan politik masyarakat Cina

²⁴ Margaret Roff, “The Politics of Language in Malaya”, *Asian Survey*, Jil. XII, No. 5, Mei 1967, hlm.316-328.

²⁵ K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm.126-141.

²⁶ S.K.Cheah, *Malaixiya Huaren zhengzhi sichao yanbian*, (Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina Di Malaysia), Penerbit S.K.Cheah, Pulau Pinang, 1984.

²⁷ Chui Kwei-Chiang, *Xinma Huaren guojia rentong de zhu bian 1945-1959*, (Perubahan Identiti Nasional Orang Cina di Singapura dan Malaya, 1945-1959), South Seas Society Singapore, Singapore, 1990, Bab 11 dan 13.

selepas Perang Dunia Kedua,²⁸ ada menyentuh mengenai penentangan Hua Tuan terutama Dong Jiao Zong terhadap Ordinan Pelajaran 1952 dan Ordinan Pelajaran 1957, serta perjuangan status bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara.

Penulisan Wong Yoke Nyen²⁹ pula mengkaji peranan Hua Tuan dalam politik Malaya di antara tahun 1945-1957, dengan membuat rujukan khas kepada aspek kerakyatan dan pendidikan. Selain membincangkan perjuangan dalam menuntut hak kerakyatan sebelum dan sejurus selepas kemerdekaan, pengkaji juga menekankan penentangan masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes, Ordinan Pelajaran 1952, Kertas Putih 1954, Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran 1957 serta perjuangan masyarakat Cina dalam bidang pendidikan tinggi.

Terdapat penulisan yang menganalisis sistem pendidikan di Malaysia dari perspektif perpaduan dan integrasi nasional. Misalnya J.S. Solomon memaparkan kajian yang memperhitungkan perkembangan sistem pendidikan dwibahasa semenjak pemerintahan British sehingga tahun-tahun 1980-an dari perspektif perpaduan nasional di Malaysia.³⁰ Penyelidikan Yew Yeok Kim cuba menganalisis kesan sistem pendidikan kebangsaan terhadap pembentukan identiti

²⁸ Chen Jianhong, “Zhan hou Dama Huaren de Zhengzhi fazhan”, (Perkembangan Politik Orang Cina Di Malaysia Selepas Perang), dalam Lim Chooi Kwa & Loh Cheng Sun (pnyt.) The History of Chinese in Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan, Petaling Jaya, 1984, hlm.91-137.

²⁹ Wong Yoke Nyen, “The Role of Chinese Organizations in Malayan Politics, 1945-1957: Special Reference to Citizenship and Education”, Tesis M.A., University of Malaya, 1981.

³⁰ J.S. Solomon, The Development of Bilingual Education in Malaysia, Pelandok Publications, Kuala Lumpur, 1988.

dan integrasi nasional di kalangan pelajar-pelajar keturunan Cina di sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia.³¹ Begitu juga hasil penulisan Chan Hon Chan³², John Bock³³ dan Ho Seng Ong³⁴ yang masing-masing meninjau sistem pendidikan dalam konteks pembinaan identiti bangsa dan negara.

Terdapat juga tesis-tesis yang menfokuskan perbincangan terhadap perkembangan pendidikan Cina secara umum. Misalnya, Lee Ting Hui³⁵ dan Yung Yuet-hing³⁶ masing-masing mengkaji perkembangan sistem pendidikan Cina Di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada zaman penjajahan British sehingga sebelum Perang Dunia Kedua. Sementara Suen Y-Chern menumpukan perbincangan kepada perkembangan pendidikan Cina di Malaya pada awal abad ke-20 hingga ke zaman merdeka.³⁷

³¹ Yew Yeok Kim, "Education National Identity and National Integration: A Survey of Secondary School Students of Chinese Origin in Urban Peninsular Malaysia", Tesis Ph.D. Stanford University, California, 1982.

³² Chan Hon Chan, Education and Nation Building in Plural Societies: The West Malaysia Experience, Development Studies Centre Monograph No.6, Australian National University, Canberra, 1977.

³³ John Bock, "Education and Nation Building in Malaysia", Tesis Ph.D., Stanford University, 1971.

³⁴ Ho Seng Ong, Education for Unity in Malaya: An Evaluation of the Educational System of Malaya with Special Reference to the Need for Unity in Its Plural Society, Malayan Teachers' Union, Penang, 1952.

³⁵ Lee Ting Hui @ Lee Ah Chai, "Policies and Politics in Chinese Schools in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1789-1940", Tesis M.A., University of Malaya, 1957.

³⁶ Yung Yuet-hing, "Contributions of the Chinese to Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States 1900-1941", Tesis M.A., University of Malaya, 1967.

³⁷ Suen Y-Chern, "Chinese Education and Government Policy in Malaya", Tesis M.Ed., University of Melbourne, 1958.

Tan Puay-Ching³⁸ pula menekankan peranan GPGSCM dalam memelihara dan mempertahankan status bahasa Cina dan pendidikan Cina di antara tahun 1960-1969. Fokusnya adalah membicarakan usaha-usaha penentangan GPGSCM terhadap Laporan Rahman Talib 1960 yang memberi ancaman-ancaman serius terhadap kewujudan dan perkembangan pendidikan Cina peringkat rendah dan menengah, kontroversi mengenai isu bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara, dan perjuangan menubuhkan Universiti Merdeka.

Tan Liok Ee³⁹ pula mengkaji isu-isu politik yang timbul akibat daripada hasrat komuniti Cina untuk mendapatkan suatu kedudukan yang sah bagi sekolah rendah dan menengah Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan selepas penerbitan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu. Tumpuan juga diberikan kepada soal sambutan masyarakat Cina terhadap Ordinan pelajaran 1952, Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Selain itu, pengkaji juga menghuraikan peristiwa perikatan MCA, PPLPSCM dan GPGSCM dari tahun 1952-1959 dalam perjuangan untuk menyelesaikan isu-isu bahasa dan pendidikan Cina di Malaya.

³⁸ Tan Puay-Ching, “The Role of the United Chinese School Teachers’ Association (West Malaysia) in the Struggle for Chinese Education and Language Status, 1960-1969”, Southeast Asian Journal of Education Studies, 1984/85, Vol.21/22, hlm.1-78.

³⁹ Tan Liok Ee, “Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961”, Tesis Ph.D., University of Malaya, 1985; lihat juga Tan Liok Ee, “Dama Bandao Huaren Jiayu de fazhan”, (Perkembangan Pendidikan Orang Cina di Semenanjung Malaysia), dalam Lim Chooi Kwa & Loh Cheng Sun (pnyt.), The History of Chinese in Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan, Petaling Jaya, 1984, hlm.283-325.

Walau bagaimanapun, penulisan-penulisan yang tersebut di atas hanya memberi penekanan kepada perkembangan sistem pendidikan Cina pada zaman penjajahan British sehingga tahun 1969 sahaja. Sungguhpun ada pengkaji-pengkaji yang menyambung kajian terhadap perkembangan pendidikan Cina pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an, namun penulisan-penulisan tersebut menyentuh hanya aspek-aspek tertentu dalam bidang pendidikan Cina. Contohnya, kajian Loh Kok Wah⁴⁰ tertumpu kepada soal Universiti Merdeka, *revival* SMPK dan perkembangan SRJK(C) pada tahun 1970-an. Kua Kia Soong⁴¹ pula mengkaji perkembangan pendidikan Cina pada zaman Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan menumpukan perhatian kepada pindaan Akta pelajaran 1961 pada tahun 1972, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1975 serta kes mahkamah Universiti Merdeka dan Operasi Lalang 1987. Penulisan Yap Sin Tian pula menyentuh aspek kontroversi-kontroversi terhadap Akta Pelajaran 1961, reaksi masyarakat Cina terhadap Rang Undang-Undang Pendidikan 1990 serta mengemukakan cadangan-cadangan khusus mengenai perkembangan pendidikan Cina pada masa hadapan.⁴²

Juga tidak ketinggalan makalah dan buku yang memfokuskan kepada aspek-aspek tertentu dalam pendidikan Cina. Misalnya penulisan Ibrahim Saad

⁴⁰ Loh Kok Wah, “The Socio-Economic Basis of Ethnic Consciousness: The Chinese in the 1970s”, dalam S.Husin Ali (ed.), Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm.93-112.

⁴¹ Kua Kia Soong, A Protean Saga: The Chinese Schools of Malaysia, The Resource and Research Centre, Kuala Lumpur, 1990, Bab 8-10.

⁴² Yap Sin Tian, The Chinese Schools of Malaysia Towards the Year 2000: A Hundred Years of Struggle, Survival and Its Future Development, UCSCAM, Kuala Lumpur, 1992.

membincangkan kurikulum 3M dari segi perubahan pedagogi serta kontroversi dan pergolakan yang timbul berhubung dengan kurikulum 3M.⁴³ Sementara kertas kerja Lim Chooi Kwa menghuraikan secara umum perkembangan SRJK(C) dan SMPC di Malaysia,⁴⁴ serta makalah Tan Liok Ee dan Zhang Xiuming yang masing-masing menghuraikan perkembangan SMPC di Malaysia.⁴⁵ Selain itu, artikel Kua Kia Soong⁴⁶, Tan Lian Soo⁴⁷, Zainal Fakhir⁴⁸ dan Ramlah Hamzah⁴⁹ serta buku Yahya Ismail⁵⁰ masing-masing menfokuskan kepada kontroversi dan pergolakan Universiti Merdeka.

⁴³ Ibrahim Saad, Dari Pedagogi ke Politik, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1982.

⁴⁴ Lim Chooi Kwa, "Malaixiya Xiaoxue ji Zhongxue Huawen jiaoyu fazhan", (Perkembangan Pendidikan Cina Peringkat Rendah dan Menengah di Malaysia), Paper presented at International Conference on Chinese Education in Southeast Asia, organized by National Cultural Association, Taiwan, 6-8 Jun 1994.

⁴⁵ Tan Liok Ee, "Chinese Independent Schools: Varying Responses to Changing Demands", dalam Jennifer Cushman & Wang Gungwu (pnyt.), Changing Identities of the South-East Asian Chinese since World War II, Hong Kong University press, Hong Kong, 1988, hlm.67-74; Zhang Xiuming, "Malaixiya Huawen Duli Zhongxue de yanbian yu xianzhuang", (Kedudukan Semasa dan Perkembangan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia), Huaqiao Huaren Lishi Yanjiu, (Overseas Chinese Studies), No.3, 1992, hlm.29-36.

⁴⁶ Kua Kia Soong, "Merdeka University: A University that failed to Take Off", Southeast Asian Journal of Educational Studies, Vol.19/20, 1982/83.

⁴⁷ Tay Lian Soo, "Duli hou Huawen jiaoyu yundong", (Pergerakan Pendidikan Cina Selepas Mederka), dalam Lim Chooi Kwa, Ho Khai Leong, Hou Kok Chung & Lai Kuan Fook, Malaixiya Huarensi xinbian, (Sejarah Orang Cina di Malaysia), Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Kuala Lumpur, 1998, hlm.255-288.

⁴⁸ Zainal Fakhir, "Universiti Merdeka Mencabar Dasar Pelajaran Kebangsaan", dalam Ibrahim Saad (penyusun), Isu Pendidikan Di Malaysia, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm.236-242.

⁴⁹ Ramlah Hamzah, "Universiti Merdeka dan Politik MCA: Isu Lama yang Hidup Kembali", dalam Ibrahim Saad (penyusun), Isu Pendidikan Di Malaysia, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm.230-235.

⁵⁰ Yahya Ismail, Politik Universiti Merdeka, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, 1978.

Artikel Wolfgang Franke⁵¹ dan Keith Watson⁵² pula menumpukan perbincangan kepada permasalahan yang dihadapi oleh pendidikan Cina di Singapura dan Malaya. Selain itu, terdapat juga makalah yang membincangkan topik pendidikan Cina di Malaysia secara umum, seperti penulisan Sim Mow Yu,⁵³ Quek Suan Hiang,⁵⁴ Pan Yining⁵⁵ dan Liao Xiaojian.⁵⁶

Matlamat Kajian

Berdasarkan huraian di atas, ternyata penulisan-penulisan mengenai perkembangan sistem pendidikan di Malaysia khasnya dan pendidikan Cina amnya adalah kurang sekali meninjau kedudukan SRJK(C) di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Oleh yang demikian, kajian terhadap perkembangan sistem pendidikan Cina di Malaysia masih mempunyai lompong-lompong yang

⁵¹ Wolfgang Franke, "Problems of Chinese Education in Singapore and Malaya", Malaysian Journal of Education, Jil.2, No.2, 1965, hlm.182-193.

⁵² Keith Watson, "The Problems of Chinese Education in Malaysia and Singapore", Journal of Asian and African Studies, Jil.8, No.1-2, 1973, hlm.77-87.

⁵³ Sim Mow Yu, "Malaixiya Huawen jiaoyu fengdou shi pian", (Sejarah Perjuangan Pendidikan Cina di Malaysia), Paper presented at International Conference on Chinese Education in Southeast Asia, organized by National Cultural Association, Taiwan, 6-8 Jun 1994.

⁵⁴ Quek Suan Hiang, "Malaixiya Huawen jiaoyu de zhanwang", (Masa Depan Pendidikan Cina di Malaysia), Paper presented at International Conference on Chinese Education in Southeast Asia, organized by National Cultural Association, Taiwan, 6-8 Jun 1994.

⁵⁵ Pan Yining, "Zhan hou Malaixiya Huawen jiaoyu de fazhan 1946-1980", (Perkembangan Pendidikan Cina di Malaysia Selepas Perang, 1946-1980), Dongnanya Yanjiu, (Southeast Asian Studies), No.1, 1989, hlm.80-86.

⁵⁶ Liao Xiaojian, "Zhan hou Malaixiya Huawen jiaoyu de fazhan bianhua", (Perkembangan dan Perubahan Pendidikan Cina di Malaysia Selepas Perang), Dongnanya Yanjiu, (Southeast Asian Studies), No.3, 1993, hlm.51-54.

harus diisi. Maka kajian ini adalah bertujuan untuk melengkapkan kajian-kajian awal mengenai topik yang serupa, tetapi memberikan penekanan kepada perjuangan SRJK(C) yang bersungguh-sungguh untuk menuntut kedudukan yang sah di dalam sistem pendidikan kebangsaan serta bertegas untuk mempertahankan status quonya secara berkekalan dari tahun 1956 hingga tahun 2000.

Setakat ini, kebanyakan kajian mengenai pendidikan Cina adalah tertulis dalam bahasa Cina atau bahasa Inggeris, maka pandangan komuniti Cina tentang isu-isu yang berkaitan dengan bahasa dan pendidikan Cina di Malaysia memang kurang diketahui dan difahami secara meluas oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh itu, adalah menjadi harapan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pustaka penulisan mengenai kedudukan SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Semoga usaha penulisan ini dapat menambahkan lagi kefahaman rakyat Malaysia berbilang kaum mengenai perkembangan SRJK(C) dalam konteks sistem pendidikan kebangsaan serta kontroversi yang timbul dalam arena politik bahasa di negara ini antara tahun 1956 hingga tahun 2000.

Kajian ini juga bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh mengenai pergerakan SRJK(C) untuk mengekalkan kuasa autonomi dan status quonya di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Permasalahan, dilema serta tuntutan SRJK(C) adalah disusurgalurkan secara terperinci. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau mengapa dan bagaimana SRJK(C) dapat

mempertahankan status quo di dalam sistem pendidikan kebangsaan semenjak Laporan Barnes hingga ke Akta Pendidikan 1996.

Pemilihan pendidikan Cina di peringkat rendah sebagai topik utama dalam kajian ini kerana SRJK(C) merupakan satu-satunya institusi pendidikan Cina yang diiktiraf dan diterima sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Masyarakat Cina menganggap SRJK(C) yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar sebagai '*the last bastion*' dalam usaha mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di negara ini. Ini kerana bahasa sentiasa dipandang sebagai suatu yang sangat rapat dengan hati dan sanubari serta maruah orang Cina. Oleh itu, penggantian bahasa Cina dengan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di SRJK(C) dianggap mempunyai implikasi terhadap kebudayaan kaum Cina.

Menurut Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, SRJK(C) adalah merujuk kepada sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi kanak-kanak dari umur enam tahun. Sekolah-sekolah tersebut menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

Pada dasarnya, SRJK(C) dapat dibahagikan kepada dua jenis berdasarkan hak milik tanah sekolah. Pertama, SRJK(C) **Bantuan Penuh** [*Fully Assisted*

School], iaitu hak tanah sekolah adalah dimiliki oleh kerajaan dan tanggungan kerajaan meliputi peruntukan untuk tapak dan pembinaan bangunan, peruntukan bagi pembaharuan, penggantian dan pembesaran bangunan, peruntukan mengadakan perabot atau kemudahan alat kelengkapan untuk bangunan baru dan bangunan yang telah diperbaharui atau diperbesarkan. Kedua, SRJK(C) **Bantuan Modal** [*Grant-in-aid*], iaitu sekolah yang bangunan serta kawasan tanahnya bukan hak milik kerajaan. Biasanya hak bangunan dan kawasan tanah SRJK(C) ini adalah dimiliki oleh Lembaga Pengelola Sekolah, orang perseorangan, persatuan atau pun Kerajaan Negeri. Dari segi peruntukan kewangan, kerajaan hanya memberi bantuan modal.

Sinopsis Bab-Bab

Sebagai permulaan perbincangan, penulis mengemukakan satu gambaran persejarahan ringkas tentang perwujudan SRJK(C) di Malaysia. Dalam Bab I,uraian adalah tertumpu kepada pergerakan ahli pendidikan Cina untuk menuntut kedudukan dan status pendidikan Cina peringkat rendah yang sah di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Selain itu, perkembangan yang membawa kepada perwujudan SRJK(C) di dalam sistem pendidikan kebangsaan juga dibincangkan.

Bab II membincangkan hal pembiayaan dan pembangunan fizikal SRJK(C) dari segi peruntukan kewangan kerajaan dan pembangunan sekolah. Dalam bab ini, perbincangan adalah ditumpukan kepada komitmen dan

tanggungjawab kerajaan terhadap SRJK(C) serta tuntutan dan ketidakpuasan yang dikemukakan oleh SRJK(C).

Bab III membicarakan aspek pengurusan dan pentadbiran di SRJK(C). Hal utama yang dibincangkan dalam bab ini ialah masalah kekurangan guru terlatih dan kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah yang tidak begitu jelas. Selain itu, perkara yang turut dibincangkan ialah kemelut yang berlaku di antara kerajaan dengan pemimpin pendidikan Cina berhubung dengan kedua-dua isu tersebut.

Bab IV dan Bab V pula menghuraikan penentangan SRJK(C) terhadap dasar pendidikan dan arahan pentadbiran kerajaan yang didakwa boleh membawa kepada pertukaran ciri SRJK(C) yang berpengantar bahasa Cina kepada SK yang berpengantar bahasa kebangsaan. Kontroversi dan keributan berpanjangan adalah berkisar pada isu Kurikulum 3M, Program Sekolah Integrasi, penggunaan bahasa kebangsaan dalam majlis rasmi sekolah, perlantikan guru pentadbir kanan serta penempatan guru bahasa di SRJK(C).

Bab VI pula menyusgalurkan kontroversi peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Huarian ditumpukan kepada usaha terus-menerus masyarakat Cina di bawah pimpinan Dong Jiao Zong khasnya dan Hua Tuan amnya untuk memansuhkan peruntukan 21(2) Akta Pelajaran 1961. Perjuangan mereka yang konsisten serta semangat yang kental mereka telah merumitkan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat dasar pendidikan kebangsaan. Lebih-

lebih lagi kerajaan akhirnya bersetuju untuk memansuhkan peruntukan tersebut semasa Kementerian Pendidikan sedang mengkaji semula Akta Pelajaran 1961.

Bab VII membicarakan kedudukan SRJK(C) dalam Akta Pendidikan 1996. Dalam bab ini, analisis adalah dibuat ke atas peruntukan dalam Rang Undang-Undang Pendidikan 1990 dan Akta Pendidikan 1996 untuk meninjau sejauh manakah kesan dan implikasinya terhadap kedudukan dan status SRJK(C) dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Bab VIII membicarakan polemik penubuhan Sekolah Wawasan. Hal yang menjadi fokus perbincangan dalam bab ini ialah kerangka konsep Sekolah Wawasan yang dianggap sebagai satu pemangkin dalam merealisasikan matlamat perpaduan nasional di kalangan rakyat berbilang kaum. Kontroversi dan pergolakan hangat mengenai penubuhan Sekolah Wawasan di antara kerajaan dengan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga turut dibicarakan.

Bab IX menghuraikan pelancaran Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong pada tahun 1999. Bab ini menumpukan perbincangan pada latar belakang pelancaran Deklarasi terutamanya berhubung dengan masalah SRJK(C) serta kontroversi yang timbul daripada pelaksanaan Akta Pendidikan 1996.

Bab X membincangkan pergolakan Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia atau Suqiu sehingga menimbulkan kekeruhan dan

ketegangan hubungan antara kaum. Penekanan adalah diberikan kepada latar belakang Suqiu serta reaksi parti politik, baik parti pemerintah maupun parti pembangkang terhadap Suqiu. Perkara yang turut diketengahkan dalam bab ini ialah implikasi Suqiu kepada perjuangan SRJK(C).